



## SYARAT DAN PERATURAN FESTIVAL NASYID NEGERI SARAWAK 1439H/ 2018M (PINDAAN 2018)

### 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Syarat-syarat dan Peraturan Festival Nasyyid Peringkat Negeri Sarawak diwujudkan sebagai garis panduan dalam membuat pemilihan peserta, menjalankan Festival Nasyyid dan menentukan pemenang melalui proses pengadilan yang tersusun dan saksama.

### 2. JAWATANKUASA PENGELOLA

- 2.1 Festival Nasyyid Peringkat Negeri Sarawak dikelolakan oleh Jawatankuasa Pengelola yang dilantik oleh Majlis Islam Sarawak.

### 3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 3.1 Setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada **enam (6) orang yang beragama islam**, manakala ahli-ahli kumpulan hendaklah **tidak bercampur** di antara lelaki dan perempuan dan diiringi oleh **dua (2) orang Pegawai** sahaja; *(pindaan 2018)*
- 3.2 Ahli Kumpulan Nasyyid hendaklah **WARGANEGARA MALAYSIA** dari pelbagai kaum berumur tidak kurang daripada **Lapan Belas (18) Tahun** dan tidak melebihi **Empat Puluh (40) Tahun** pada bulan Disember pada tahun penganjuran; *(pindaan 2018)*
- 3.3 Penyertaan Festival Nasyyid Peringkat Negeri Sarawak adalah terdiri daripada **lima (5)** buah kumpulan terbaik dari **Kategori Moden** dan **lima (5)** kumpulan terbaik dari **Kategori Tradisi** pada peringkat saringan akan dipilih menyertai Festival Nasyyid Peringkat Negeri; *(pindaan 2018)*
- 3.4 Pemilihan akan ditentukan oleh Jemaah Hakim Khas pada peringkat saringan; *(pindaan 2018)*
- 3.5 (dimansuhkan)
- 3.6 (dimansuhkan)
- 3.7 Johan Festival Nasyyid Peringkat Negeri dalam kategori masing-masing secara automatik akan mewakili Negeri Sarawak ke Festival Nasyyid Peringkat Kebangsaan jika diadakan pada tahun tersebut. Sekiranya Johan menghadapi halangan untuk menyertai festival di peringkat kebangsaan maka pihak penganjur berhak memilih mana-mana kumpulan yang bertanding pada tahun tersebut untuk mewakili negeri; *(pindaan 2018)*
- 3.8 (dimansuhkan)
- 3.9 (dimansuhkan)
- 3.10 (dimansuhkan)

3.11 (dimansuhkan)

3.12 Pencipta Lagu dan Penulis Lirik hendaklah Warganegara Malaysia. *(pindaan 2018)*

#### 4. LAGU

4.1 Setiap Kumpulan Nasyid hendaklah mempersembahkan **satu (1) buah lagu** sama ada lagu Nasyid Tradisi atau lagu Nasyid Moden dan hendaklah disampaikan dalam masa tidak lebih dari **4 minit sahaja. Nasyid Tradisi** bermaksud lagu yang **mengandungi** unsur-unsur antaranya **bayati, nahwan, sikah, ras, sobah, hijaz**. Manakala lagu **Nasyid Moden** ialah melodi yang dimasukkan unsur-unsur muzik moden yang tidak keterlaluan; *(pindaan 2018)*

4.2 Lirik lagu hendaklah dalam bahasa Melayu, Arab atau Inggeris atau gabungan bahasa-bahasa tersebut. Bagi senikata di dalam Bahasa Arab dan Inggeris hendaklah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Senikata atau lirik yang menggunakan Bahasa Arab hendaklah ditulis dalam Bahasa Arab; *(pindaan 2018)*

4.3 (dimansuhkan)

4.4 Lirik dan ciptaan lagu hendaklah ciptaan asal yang bebas dari saduran/ ciplak dan tuntutan serta belum pernah dirakam, dicetak atau disiarkan untuk sebarang siaran. Sekiranya berlaku perkara di atas pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan mereka; *(pindaan 2018)*

4.5 Kumpulan terbaik yang dipilih ke Festival Nasyid Peringkat Negeri akan mempersembahkan lagu yang sama seperti yang dikemukakan kepada pihak penganjur;

4.6 Lirik lagu hendaklah berunsur Islam yang bertujuan untuk memupuk semangat dakwah Islamiah, kehidupan sejahtera, membentaras masalah-masalah sosial, meningkatkan nilai-nilai kemanusiaan sejagat dan seumpamanya; *(pindaan 2018)*

4.7 Nama lagu dan lirik tidak boleh menggunakan nama tema; (dimansuhkan 2013)

4.8 Jawatankuasa ini berhak mengarah Ketua Kumpulan untuk menukar lirik lagu yang tidak sesuai; *(pindaan 2018)*

#### 5. MUZIK

5.1 Festival Nasyid Peringkat Negeri akan menggunakan kaedah '**Minus-One**' ; *(pindaan 2018)*

5.2 Format :

5.2.1 CD Audio

5.2.2 MP4 (Audio dan Video)

*(pindaan 2018)*

#### 6. PENGHAKIMAN

6.1 Jemaah Hakim Festival Nasyid Peringkat Negeri Sarawak akan dilantik oleh Majlis Islam Sarawak;

- 6.2 Penghakiman Festival Nasyid Peringkat Saringan akan dihakimi oleh Jemaah Hakim Bergerak atau Jemaah Hakim yang ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal Festival Nasyid Peringkat Negeri Sarawak; (*pindaan 2018*)
- 6.3 Keputusan jemaah hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.
- 6.4 Penghakiman berdasarkan pada aspek-aspek berikut: (*pindaan 2018*)
- i. Suara
  - ii. Ciptaan & Gubahan
  - iii. Lirik
  - iv. Persembahan
- 6.5 Seseorang yang terlibat sebagai penulis; pencipta; penggubah; pengajar; mempunyai hubungan kekeluargaan dan ketua bagi mana-mana kumpulan yang menyertai festival adalah tidak layak menjadi panel hakim untuk festival ini. Sekiranya berlaku keingkaran, Jawatankuasa Penganjur berhak **membatalkan** penyertaan kumpulan mereka; (*pindaan 2018*)
- 6.6 Hanya lagu-lagu yang menjadi Johan bagi setiap kategori akan menjadi hak milik penganjur (Kerajaan Negeri); (*pindaan 2011*)
- 6.7 Rakaman video atau audio ke atas lagu dan lirik adalah menjadi kepunyaan dan hak penganjur, sama ada yang disiarkan melalui televisyen, radio dan mana-mana media massa tanpa sebarang tuntutan untuk bayaran; (*pindaan 2018*)
- 6.8 Persembahan dan pakaian peserta hendaklah bersesuaian dengan nilai-nilai Islam; (*pindaan 2018*)

## 7. LAIN-LAIN KETERANGAN

- 7.1 Sebarang kemalangan, kecederaan atau kerugian semasa festival ini adalah tanggungjawab sendiri dan tidak dibenarkan membuat tuntutan kepada pihak penganjur.
- 7.2 Semua perbelanjaan untuk menyertai Festival Nasyid Peringkat Negeri akan diuruskan oleh Pejabat Residen Bahagian masing-masing; (*pindaan 2018*)
- 7.3 (dimansuhkan)
- 7.4 Tarikh tutup penyertaan ialah **7 hari** sebelum ke peringkat saringan; (*pindaan 2018*)
- 7.5 Kumpulan yang Berjaya dan **LAYAK** ke Festival Nasyid Peringkat Negeri akan dimaklumkan melalui Urus Setia Bahagian;
- 7.6 Semua Syarat dan Peraturan Festival **WAJIB** dipatuhi; (*pindaan 2018*)
- 7.7 Selain daripada peraturan di atas Festival Nasyid ini juga tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan Malaysia dan Syarat-syarat & Peraturan Festival Nasyid Peringkat Kebangsaan anjuran JAKIM, di mana yang dianggap sesuai; (*pindaan 2018*)

- 7.8 Kumpulan yang berminat diminta mengisi borang yang disertakan dan menghantar penyertaan kepada:

**Urus Setia  
Festival Nasyid Negeri Sarawak  
Pejabat Majlis Islam Sarawak**

## **8. PERTANYAAN**

**URUS SETIA  
FESTIVAL NASYID PERINGKAT NEGERI SARAWAK  
PEJABAT MAJLIS ISLAM SARAWAK  
TINGKAT 16, MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MUADZAM SHAH  
93400 KUCHING Tel: 082 507251  
Laman Web: [www.mis.sarawak.gov.my](http://www.mis.sarawak.gov.my) atau [www.jais.sarawak.gov.my](http://www.jais.sarawak.gov.my)**

## **9. PENAFSIRAN**

- 9.1 Sekiranya berlaku ketidakjelasan mana-mana syarat dan peraturan di atas, tafsiran Jawatankuasa ini adalah muktamad. (pindaan 2012)

## **10. PINDAAN KEPADA SYARAT DAN PERATURAN**

- 10.1 Syarat-syarat dan peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan yang akan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan demi mempertingkatkan mutu penganjuran dan memberikan kesaksamaan kepada semua pihak yang terlibat;
- 10.2 (dimansuhkan 2018)
- 10.3 Pindaan kali terakhir dibuat pada Rabu, 7 Februari 2018.



<b>MODEN</b>
<b>TRADSI</b>

Sila tandakan  diruang berkenaan sahaja

## BORANG PENYERTAAN FESTIVAL NASYID NEGERI SARAWAK

TAHUN 1439H/ 2018M

**Borang ini hendaklah ditaip/ ditulis dengan jelas semasa diisi.**

A. MAKLUMAT KUMPULAN				
NAMA KUMPULAN	:			
ALAMAT LENGKAP	:			
NAMA PEGAWAI PENGIRING	:	1.		
		2.		
NO. TEL.BIMBIT/ PEJ/ (R)	:	1.		<b>No. Faks:</b>
		2.		
B. MAKLUMAT LAGU				
TAJUK LAGU	:			
	:			
PENCIPTA LAGU	:			
KATEGORI	:			
JUMLAH MASA ( <i>minit : saat</i> )	:			
PENULIS LIRIK	:			
TAHUN CIPTAAN	:			

### C. PENYERTAAN DALAM FESTIVAL

Adakah pernah menyertai pertandingan sebelum ini **YA/ TIDAK**

\* Jika '**ya**' sila nyatakan keterangan berikut:

Berapa kali menyertai pertandingan sebelum ini? \_\_\_\_\_ Kali

Pernahkah terpilih ke Peringkat Akhir? **Pernah/ Tidak Pernah.** \* Jika pernah, sila nyatakan tahun dan pencapaian yang diperolehi;

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_

*\* sila potong yang mana tidak berkenaan*

**D. MAKLUMAT AHLI KUMPULAN**

BIL.	NAMA AHLI	NO. K/P	TARIKH LAHIR	UMUR
1				
2				
3				
4				
5				
6				

**E. MAKLUMAT PEGAWAI PENGIRING**

BIL.	NAMA	NO. K/P	NO. TEL/ HP
1.			
2.			

*\* sila sertakan salinan fotostat Kad Pengenalan mengikut susunan pengisian maklumat ahli kumpulan dan gambar kumpulan untuk simpanan dan semakan pihak Urus Setia :*

**F. PENGESAHAN** Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan adalah benar dan lagu penyertaan ini adalah ciptaan asal yang bebas dari sebarang tuntutan oleh mana- mana pihak. Saya juga bersetuju lagu yang dipertandingkan, rakaman audio-video dan sebarang bentuk persembahan adalah menjadi hak milik penganjur.

.....

**Tandatangan Ketua Kumpulan**

**No. KP:**

**Tarikh :**

=====

**G. UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA**

**Tarikh terima:** \_\_\_\_\_ **No. Penyertaan:** \_\_\_\_\_

**Permohonan diterima/ ditolak . Jika ditolak sila nyatakan sebab.**

\_\_\_\_\_